

**TEST ACCEPTANCE CRITERIA (TAC), ASSET REPLACEMENT PROGRAM (ARP)  
BAGI KOMPONEN PENGAWASAN KUALITI AIR MARIN DI BAWAH PROGRAM  
EQMP TAHUN 2025**

3 JULAI 2025, Pulau Undan, Melaka – Seksyen Kawalselia Konsesi dan Program Pengawasan, Bahagian Udara, JAS dengan kerjasama Bahagian Air dan Marin serta JAS Negeri Melaka telah menjalankan pengauditan dan penggantian peralatan baharu pengawasan kualiti air marin automatik dan manual di Stesen CM02M, Jeti Jabatan Laut Malaysia, Pulau Undan, Melaka

TAC ini bertujuan untuk memastikan peralatan baharu yang digantikan di bawah *Asset Replacement Program* memenuhi spesifikasi dan skop yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi bagi Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (EQMP) antara JAS dan syarikat konsesi Pakar Scieno TW Sdn. Bhd.

Penghasilan data kualiti air marin yang sahih, tepat dan representative dalam memastikan ekosistem marin dan kegunaan berfaedah terjamin adalah menjadi keutamaan di bawah Program EQMP.

[#NRES](#)

[#JabatanAlamSekitar](#)

[#EQMP](#)

[#alamsekitartanggungjawabbersama](#)









